

**Bahasa Urak Lawoi di Thailand: Analisis Etnografi dan Hubungan  
Kebahasaannya dengan Bahasa Melayu**

**Oleh**

**Hasnida Chekha**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera Mod Campuran  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang**

**2008**

## PENGHARGAAN

Syukur, Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya pengkaji dapat menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada penyelia tesis ini, Profesor Madya Dr. Noriah Mohamed di atas usaha beliau membantu, memberi pengetahuan, dorongan, tunjuk ajar dan nasihat dengan penuh kesabaran sepanjang pengkaji menghasilkan tesis ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Linguistik Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi (BMBATI), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan kepada pengkaji sepanjang pengkaji menimba ilmu di Universiti Sains Malaysia.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ayah dan mama, Haji Hussin bin Chekha dan Hajah Syarifah binti Haji Dollah yang sentiasa memberi sokongan dan semangat dalam apa-apa juga hal, nenek Mak Mong tersayang yang sentiasa merindui dan bertanya khabar, dan mak long Halimah serta mak su Allawiyah yang amat memahami, memberikan sokongan dan mendoakan kejayaan pengkaji. Terima kasih juga diucapkan kepada abang Habibullah, kakak Jamilah, adik Mohammad, adik Husni dan adik Ahmad yang banyak memberikan motivasi dan semangat untuk menyiapkan tesis ini.

Tidak terlupa juga kepada kak Mas, Asliza, cikgu Sawpi, cikgu Azizan, cikgu Budiman, cikgu Bukhari dan kawan-kawan seperjuangan Thai yang sentiasa menjadi teman dan

menghulur bantuan dalam hal apa-apa juga hal sepanjang masa pengkaji berada di sini. Budi baik mereka tidak dapat dilupai. Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada abang Din yang selalu menjadi teman dan memberi semangat dalam penulisan tesis ini. Tidak dilupakan kepada kakak Sainab yang mencetuskan idea mengenai kawasan kajian dan bantuan daripada pihak guru di Pulau Lipek, seperti Kru Bau, Kru Pim, Kru Wan, Kru Preaw, Kru Wit dan Kru Thing. Mereka sentiasa memberikan bantuan, menjadi teman dan menyediakan tempat tinggal semasa pengkaji melakukan kajian ini. Akhir sekali ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada informan-informan Urak Lawoi yang memberikan sokongan yang amat memberangsangkan sewaktu kajian lapangan.

Hasnida Chekha  
2008

## KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBAR, SINGKATAN, JADUAL, PETA DAN RAJAH	vi
SENARAI SINGKATAN DAN LAMBANG	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang dan Penyataan Masalah	1
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Metodologi Kajian	7
1.7 Kerangka Teoretis	14
1.7.1 Kerangka Teoretis Etnografi Komunikasi	14
1.7.2 Kerangka Teoretis Leksikostatistik	15
1.7.3 Kerangka Teoretis Kata Ganti Nama Diri	19
1.8 Sorotan Kajian Lalu	21
1.9 Rumusan	28
BAB 2 ETNOGRAFI URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, SATUN, THAILAND	29
2.1 Pendahuluan	29
2.2 Etnografi Urak Lawoi di Pulau Lipek, Satun, Thailand	29
2.2.1 Latar Belakang dan Peristiwa	29
2.2.2 Pemeran atau Peserta	46
2.2.3 Matlamat atau Tujuan Berkomunikasi	65

2.2.4	Penyusunan Perilaku Komunikasi atau Mesej Mengikuti Konteks	67
2.2.5	Nada	70
2.2.6	Saluran Komunikasi	72
2.2.7	Norma dalam Interaksi	75
2.2.8	Jenis Peristiwa Komunikasi	77
2.3	Rumusan	78
<b>Bab 3 : HUBUNGAN KEKERABATAN BAHASA URAK LAWOI DENGAN BAHASA MELAYU</b>		<b>79</b>
3.1	Pendahuluan	79
3.2	Bahasa dan Hubungan Kekerabatan	79
3.3	Kaedah dalam Perbandingan Kosa Kata Dasar	81
3.4	Tingkat Kekerabatan Bahasa Urak Lawoi dengan Bahasa Melayu	87
3.5	Rumusan	88
<b>Bab 4 : KATA GANTI NAMA DIRI URAK LAWOI</b>		<b>89</b>
4.1	Pendahuluan	89
4.2	Kata Ganti Nama Diri	89
4.3	Kata Ganti Nama Diri Bahasa Melayu	90
4.3.1	Kata Ganti Nama Diri yang Digunakan oleh Orang-Orang Biasa	91
4.3.2	Kata Ganti Nama Diri yang Digunakan dalam Kalangan Kerabat Di Raja	92
4.4	Jenis Kata Ganti Nama Diri	94
4.4.1	Kata Ganti Nama Diri Pertama	94
4.4.2	Kata Ganti Nama Diri Kedua	94
4.4.3	Kata Ganti Nama Diri Ketiga	95

4.5	Kata Ganti Nama Diri Bahasa Urak Lawoi	95
4.6	Variasi dan Diglosia dalam Bahasa Urak Lawoi	96
4.7	Bentuk Kata Ganti Nama Bahasa Urak Lawoi	97
4.8	Jenis Kata Ganti Nama Diri	97
4.8.1	Kata Ganti Nama Diri Pertama	98
4.8.2	Kata Ganti Nama Diri Kedua	100
4.8.3	Kata Ganti Nama Diri Ketiga	102
4.8.4	Panggilan Kekeluargaan	104
4.9	Pola Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Urak Lawoi	105
4.9.1	Bentuk Halus-Bentuk Kasar (BH-BK)	107
4.10	Situasi Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Urak Lawoi	107
4.11	Masalah Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Urak Lawoi	112
4.11.1	Kekeliruan Makna Kata Ganti Nama Diri Pertama Ku	112
4.11.2	Pengaruh Bahasa Asing	112
4.11.3	Perubahan Zaman dan Status Bahasa Urak Lawoi Kini	113
4.12	Rumusan	114
<b>Bab 5 : RUMUSAN</b>		115
5.1	Pendahuluan	115
5.2	Kesimpulan	115
5.3	Saranan	117
<b>BIBLIOGRAFI</b>		119
<b>LAMPIRAN</b>		125

## SENARAI GAMBAR, JADUAL, PETA DAN RAJAH

### GAMBAR

Gambar 1	: Bangunan sekolah sewaktu tinjauan awal	33
Gambar 2	: Bangunan sekolah yang sedang dibina sekarang	34
Gambar 3	: Bangunan klinik yang sedang dibina	34
Gambar 4	: Bentuk rumah di bahagian hadapan	36
Gambar 5	: Bentuk rumah di bahagian tepi	36
Gambar 6	: Papan sel solar	37
Gambar 7	: Banglo di kawasan hadapan pulau	37
Gambar 8	: Banglo di kawasan belakang pulau	38
Gambar 9	: Pelabuhan Pak-Bara wilayah Satun	38
Gambar 10	: Kawasan pelabuhan Pak-Bara wilayah Satun	38
Gambar 11	: Pulau Lipek	39
Gambar 12	: Kawasan hadapan Pulau Lipek	39
Gambar 13	: Kawasan persekitaran Pulau Lipek	39
Gambar 14	: Kawasan hadapan Pulau Lipek	40
Gambar 15	: Taman pembelajaran	40
Gambar 16	: Bangunan Kru No Thai	40
Gambar 17	: Padang sukan	41
Gambar 18	: Papan tanda arahan	41
Gambar 19	: Urak Lawoi semasa terjun ke dalam air untuk menembak ikan	55
Gambar 20	: Kanak-kanak Urak Lawoi dalam keupayaan menyelam	56

Gambar 21	: Keistimewaan Urak Lawoi membuka mata semasa di dalam air	56
Gambar 22	: Pakaian orang lelaki tua	57
Gambar 23	: Pakaian orang perempuan tua	57
Gambar 24	: Pakaian lelaki muda	58
Gambar 25	: Pakaian perempuan muda	58
Gambar 26	: Pakaian kanak-kanak lelaki dan perempuan	58
Gambar 27	: Pondok Tuk Khiri atau Tuk Hi-le	60
Gambar 28	: Tempat beribadat bagi orang yang beragama Buddha	61
Gambar 29	: Reka bentuk perahu placak	63
Gambar 30	: San Pra-Phum Chao Thi	74
Gambar 31	: Perahu placak	74
Gambar 32	: Kayu pehadak (mai kan phi)	75

## JADUAL

Jadual 1.1	: Lambang-lambang <i>asas International Phonetic Alphabet (IPA)</i>	14
Jadual 1.2	: Senarai asal kosa kata dasar Morris Swadesh (1955) 100 perkataan	15
Jadual 1.3	: Terjemahan dalam bahasa Melayu senarai asal kosa kata dasar Morris Swadesh (1955) 100 perkataan	16
Jadual 1.4	: Jadual tingkat kekerabatan bahasa	18
Jadual 2.1	: Pemilihan bahasa berdasarkan latar belakang	42
Jadual 2.2	: Pemilihan bahasa yang digunakan antara peserta	64
Jadual 2.3	: Matlamat atau tujuan berkomunikasi	65
Jadual 2.4	: Nada semasa berkomunikasi dalam bahasa Urak Lawoi	72



Jadual 3.1	: Daftar kosa kata dasar bahasa Urak Lawoi	82
Jadual 3.2	: Perbandingan kosa kata dasar bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu	84
Jadual 3.3	: Jadual tingkat kekerabatan bahasa	88
Jadual 4.1	: Kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu	91
Jadual 4.2	: Kata nama diri di raja standard	93
Jadual 4.3	: Kata ganti nama diri bahasa Urak Lawoi	97
Jadual 4.4	: Panggilan kekeluargaan bahasa Urak Lawoi	104

### **PETA**

Peta 1.1	: Thailand	2
Peta 1.2	: Peta Wilayah Satun	9

### **RAJAH**

Rajah 3.1	: Hubungan keluarga antara bahasa	80
-----------	-----------------------------------	----

## SENARAI SINGKATAN DAN LAMBANG

KGND	:	Kata Ganti Nama Diri
BUL	:	Bahasa Urak Lawoi
BM	:	Bahasa Melayu
BI	:	Bahasa Inggeris
BT	:	Bahasa Thai
BH	:	Bentuk Halus
BK	:	Bentuk Kasar
BP	:	Bentuk Panggilan
t.t.	:	Tanpa Tarikh
	:	Nada Tinggi
	:	Nada Rendah

# **Bahasa Urak Lawoi di Thailand: Analisis Etnografi dan Hubungan Kebahasaannya dengan Bahasa Melayu**

## **ABSTRAK**

Tesis ini akan membincangkan tentang bahasa Urak Lawoi di Thailand dari sudut etnografi dan hubungan kebahasaannya dengan bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di Pulau Lipek, Satun, Thailand yang dikenali sebagai perkampungan Urak Lawoi semenjak zaman Rama Kelima. Kajian ini menjurus kepada huraian perilaku penggunaan bahasa mengikut kerangka etnografi komunikasi yang dikemukakan oleh Dell Hymes (1964). Mengikut Hymes (1964) analisis sesuatu peristiwa komunikasi bermula dengan satu deskripsi komponen komunikasi dalam bentuk akronim S.P.E.A.K.I.N.G. Kajian ini juga bertujuan melihat bentuk hubungan kekerabatan bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu dengan membuat perbandingan dua aspek, iaitu kosa kata dasar dan aspek kata ganti nama diri. Dari sudut hubungan kekerabatan didapati bahawa kedua-dua bahasa merupakan dialek daripada bahasa Melayu. Perbandingan kosa kata dasar mendapati bahawa 87 peratus kosa kata kedua-dua bahasa ini merupakan kosa kata dasar yang berkognat. Perbandingan kata ganti nama diri pula memperlihatkan bahawa tiga jenis kata ganti nama diri bahasa Urak Lawoi menyamai bahasa Melayu dan bahasa ini juga mempunyai kata ganti nama diri bentuk tunggal dan jamak. Namun demikian, dari sudut sosiolinguistik kata ganti nama bahasa Urak Lawoi semuanya berbentuk neutral, iaitu sesiapa sahaja dapat menggunakan semua kata ganti nama tanpa mengira taraf sosial. Hal ini menunjukkan bahawa tidak ada stratifikasi sosial yang jelas dalam komuniti ini.

# **Urak Lawoi Language in Thailand: An Ethnographic Analysis and Its Language Relationship to Malay Language**

## **ABSTRACT**

This thesis will discuss the Urak Lawoi Language in Thailand from the perspectives of ethnography and its language relationship with Malay Language. The study is done in Lipek Island, Satun, Thailand, which is also known as the Urak Lawoi Village since the era of Rama the Fifth. The study is focused on the description of the usage of the language according to the ethnography of communication framework, which was introduced by Hymes (1964). According to Hymes (1964), the analysis of a communication event begins with a description of a communication component in the acronym S.P.E.A.K.I.N.G. The other objective of this study is to discover the genetic relationship between the Urak Lawoi Language and Malay Language, by comparing two aspects, i.e basic vocabulary and personal pronouns. From the aspect of the genetic relationship, it is found that both languages are a dialect of the Malay language. Comparison of the basic vocabulary found that 87 percent of the vocabulary of both languages are cognate. In the aspect of personal pronouns, it is found that the Urak Lawoi language has three types of personal pronouns, which is similar to the Malay language, and the pronouns have singular and plural forms too. However, from the sociolinguistics aspect, pronouns in the Urak Lawoi language are neutral, that means anyone can use these pronouns without any social constraints. This shows that there is no social stratification in this community.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang dan Penyataan Masalah


Thailand ataupun Siam<sup>1</sup> ialah negara yang terletak di Benua Asia Tenggara. Negara ini bersempadan dengan beberapa buah negara jiran seperti Laos (*Lao People's Democratic Republic*), Kemboja, Burma dan Malaysia. Di sebelah timur, Thailand bersempadan dengan Laos dan Kemboja, di selatan bersempadan dengan Laut Andaman dan Malaysia, di barat bersempadan dengan Laut Andaman dan Burma, dan di utara bersempadan dengan Burma dan Laos (sila rujuk Peta 1.1).

Thailand mempunyai kawasan keseluruhan seluas 514,000 kilometer atau 198,454 batu persegi. Sekarang Thailand mempunyai sistem pentadbiran demokrasi yang mempunyai raja sebagai pusat penyepaduan rakyat. Sebelum ini Thailand mempunyai sistem pentadbiran yang menunjukkan kuasa pemerintah di tangan Thaksin Shinawatra, yakni sebelum berlaku rampasan kuasa oleh tentera Sunthi Bunyaratklin (Thai Army's Commander-in-Chief) pada tahun 2006 (Wikipedia, 2007). Jumlah penduduk Thailand pada tahun 2006 lebih kurang 63 juta orang (Prمود Prasadkul, 2007). Penduduk Thailand mempunyai pelbagai agama, warganegara dan bahasa. Agama kebangsaan ialah agama Buddha tetapi ada juga beberapa agama lain, antaranya agama Islam dan Kristian.

---

<sup>1</sup> Siam ialah nama bagi negara Thai pada zaman lampau yang kemudian ditukar kepada negara Thai pada tahun 1939. Thai bermakna kebebasan. Dalam bahasa Inggeris perkataan Siam digunakan sehingga tahun 1948, dan kemudian barulah digunakan nama Thailand.

Peta 1.1  
Thailand



Kebanyakan penduduk Thai (sembilan puluh lima peratus), beragama Buddha, empat peratus beragama Islam, iaitu penduduk di sebelah selatan Thai, dan tujuh peratus beragama lain selain Buddha dan Kristian. Warganegara Thailand terdiri daripada orang Thai, Laos, Mon, Khmer, Cina, Melayu, Jawa, Burma dan beberapa kumpulan penduduk minoriti di sebelah utara dan selatan Thai. Minoriti tersebut ialah Karen, Miao, Akha, Yao, Lawa, Musso, Shan, Phutai, Yuan dan Chaonam atau Urak Lawoi (Orang Laut) yang menetap di kawasan kepulauan (Pratheang Khrehong, 1998: 1-2). Dari segi bahasa, penduduk Thailand menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan. Selain itu, ada beberapa bahasa yang digunakan oleh

kaum minoriti semasa berkomunikasi dalam kumpulan yang sama, bahasa Cina, dialek Thai Tai, dialek Melayu Pattani dan lain-lain.

Bahasa Thai Tai mempunyai beberapa subdialek, seperti dialek Thai Tai Songkhla yang berbeza dengan dialek Thai Tai Pattalung, dan dialek Thai Tai Pattalung yang berbeza dengan dialek Thai Tai Takbai dan beberapa dialek Thai Tai yang lain. Dialek Melayu Pattani pula ialah satu dialek yang digunakan di tiga wilayah Thai, iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat (Ahmad Omar Chapakia, 2002: 6). Dialek Melayu Pattani ini semakin hari semakin kurang digunakan, terutama dalam kalangan generasi muda tetapi masih lagi mempunyai jumlah penutur ibunda yang ramai. Kemungkinan juga pada masa depan dialek Melayu ini boleh bertahan sebagai satu sistem pertuturan yang kuat dan berkembang (Ruslan Uthai, 2005) sebab mempunyai kawasan yang bersempadan dengan Malaysia.

Bahasa Urak Lawoi pula ialah bahasa yang digunakan oleh kaum minoriti di selatan Thailand yang menetap di kawasan persekitaran Laut Andaman Thailand, terutama orang Urak Lawoi di wilayah Ranong, Pang Nga, Phuket, Krabi dan Satun (Wisitti Mayacheaw, 1989: 217). Bahasa Urak Lawoi yang digunakan di wilayah Ranong ialah di kawasan Koh Sin Hai dan Koh Lau. Di wilayah Pang Nga bahasa ini digunakan di kawasan Koh Pratong dan Koh Surin Ampor Kuraburi. Di Phuket bahasa ini digunakan di kawasan Had Rayai dan Koh Sire, manakala di Krabi di kawasan Pulau Pi Pi, Koh Lanta Yai dan wilayah Satun di Pulau Adang, Pulau Lipek<sup>2</sup>, Pulau Rawi dan Pulau Libung di wilayah Trang, dan sebagainya (Yayasan Seab Naka Setheayr, 2007: 1).

---

<sup>2</sup> Pulau Lipek ialah sebuah pulau yang mempunyai makna nipis atau dalam bahasa Urak Lawoi sebutannya nipih. Pulau ini terletak dalam kelompok Kepulauan Adang. Berdasarkan kajian Amon Saengmani (1979), ejaan yang digunakan ialah Lipe'. Namun begitu, kajian lain ada yang menggunakan ejaan Lipek. Kajian ini akan menggunakan nama Lipek untuk merujuk kepada ejaan nama pulau ini.

Komuniti Urak Lawoi ini tergolong dalam kelompok Orang Laut. Selain Urak Lawoi terdapat juga orang Moken dan Moklen dalam kelompok ini. Orang Laut ialah gelaran yang diberikan oleh orang Malaysia, manakala di Burma mereka digelar Shlang (Charas Ngasaman, 1991: 8).

Bahasa Urak Lawoi ini ialah sejenis bahasa yang digolongkan sebagai satu bahasa dalam rumpun Austronesia (*Austronesian Language Family Group*) (Suwilai Premrith, 2004: 101). Disebabkan bahasa ini merupakan salah satu bahasa Austronesia, maka sudah tentu bahasa ini mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bahasa Melayu yang juga merupakan bahasa Austronesia. Hubungan kekeluargaan ini boleh dikesan melalui perbandingan kedua-dua bahasa ini. Bahasa Urak Lawoi ini juga ialah bahasa yang digunakan dalam pertuturan dan tidak mempunyai bentuk bertulis. Bahasa ini pada masa sekarang sedang mengalami perubahan dan kurang digunakan oleh ahli komuniti bahasa tersebut, terutamanya dalam kalangan semua generasi muda yang sekarang ini sudah boleh berbahasa Thai. Oleh sebab itu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini sangat penting dilakukan kerana jika penyusutan penggunaan bahasa terus berlaku, pada masa depan bahasa ini mungkin akan pupus. Sekarang ini pun terdapat kosa kata dalam bahasa ini yang telah pupus dan digantikan dengan kosa kata bahasa Thai.

Namun demikian, untuk melaksanakan kajian menyeluruh terhadap bahasa ini dalam masa yang singkat agak mustahil. Di samping itu, terdapat juga kajian lain yang telah pernah menghuraikan aspek linguistik bahasa ini (sila rujuk sorotan kajian lalu dalam bahagian 1.8 kajian ini). Oleh hal yang demikian, tesis ini akan menghuraikan dua aspek bahasa Urak Lawoi ini, iaitu aspek etnografi dan leksikal bahasa ini. Kajian leksikal akan cuba memperlihatkan perhubungan kekeluargaan bahasa ini dengan bahasa Melayu menerusi perbandingan kosa kata dasar dan kata ganti nama diri (KGND). Kajian ini bersifat deskripsi dan tujuan pelaksanaan kedua-dua aspek ini



adalah untuk menjawab dua persoalan sebagaimana yang dicatatkan di dalam bahagian berikut.

## **1.2 Persoalan Kajian**

Ada dua persoalan di dalam kajian ini, iaitu:

- (a) Siapakah pengguna bahasa Urak Lawoi dan bagaimanakah bahasa Urak Lawoi digunakan dalam komuniti berkenaan?
- (b) Bagaimanakah bentuk hubungan kekerabatan bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu?

## **1.3 Objektif Kajian**

Untuk menjawab persoalan di atas kajian ini akan menghuraikan:

- (a) Aspek etnografi bahasa Urak Lawoi.
- (b) Aspek hubungan kekerabatan bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu mengenai perbandingan:
  - (i) kosa kata dasar dan
  - (ii) kata ganti nama diri

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Sehubungan dengan itu pengkaji berpendapat bahawa kajian ini sangat penting dilaksanakan kerana jika tidak dikaji lama kelamaan bahasa ini akan pupus oleh sebab bahasa ini kemungkinan digantikan oleh bahasa Thai yang menjadi bahasa kebangsaan di negara Thai, terutama dalam kalangan generasi muda yang telah mendapat pendidikan dalam bahasa Thai. Ada beberapa faktor yang mendorong penutur bahasa Urak Lawoi menggunakan bahasa Thai berbanding dengan bahasa mereka sendiri. Faktor pertama ialah pelancongan dan kedua untuk kemudahan dalam komunikasi dengan orang di persekitaran mereka yang bukan orang Urak Lawoi, khususnya dalam perhubungan rasmi dengan pejabat kerajaan di kawasan darat.

## **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini akan mengkaji komuniti Urak Lawoi yang menduduki Pulau Lipek, Satun, Thailand sahaja. Kajian ini tidak meliputi komuniti Urak Lawoi di kawasan yang lain sebab:

### **1.5.1 Batasan dari Segi Masa**

Masa merupakan satu perkara yang penting dalam membuat kajian ini. Hal ini demikian kerana pengkaji mempunyai tempoh yang singkat untuk melakukan kajian dan masa untuk mengumpul data yang terhad menyebabkan pengkaji mengkhususkan kajian ini kepada Urak Lawoi di Pulau Lipek wilayah Satun Thailand sahaja.

### **1.5.2 Batasan dari Segi Perjalanan**

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji juga mempunyai batasan dalam perjalanan. Hal ini demikian kerana pengkaji melakukan kajian ini pada musim monsun dan laut sedang bergelora. Hal ini menjadi satu masalah kepada pengkaji, terutamanya untuk pergi ke pulau tersebut. Disebabkan musim tengkujuh, tiada feri atau bot yang boleh digunakan untuk pergi ke pulau tersebut. Pengkaji terpaksa menumpang bot kecil penduduk Urak Lawoi dan perjalanan ini mengambil masa selama enam jam. Hal ini bermaksud perjalanan ini dua jam lebih lewat daripada perjalanan biasa yang hanya mengambil masa selama empat jam dari pelabuhan Pak-Bara ke pulau tersebut.

### **1.5.3 Kos Perjalanan**

Kos perjalanan dalam kajian ini ialah satu lagi batasan bagi pengkaji sebab satu perjalanan itu memerlukan kos yang tinggi. Untuk satu perjalanan ke pulau tersebut pengkaji terpaksa mengeluarkan bayaran RM100. Kos ini belum melibatkan kos penginapan, sewa bot dan lain-lain.

Disebabkan halangan di atas maka kajian ini hanya akan bertumpu kepada komuniti Urak Lawoi di tempat yang disebutkan sahaja. Berdasarkan huraian dan kekangan seperti yang dihuraikan, kajian ini akan dilaksanakan menggunakan metodologi yang berikut.


## **1.6 Metodologi Kajian**

Untuk metodologi kajian, pengkaji akan mengkhususkannya kepada dua aspek, iaitu latar belakang kawasan kajian dan kaedah dalam melakukan kajian ini.

### **1.6.1 Kawasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di salah sebuah wilayah Satun di selatan Thailand (sila rujuk Peta 1.2) yang mempunyai enam buah daerah, satu subdaerah, tiga puluh mukim, dua ratus tujuh puluh tujuh kampung dan enam buah bandar (Rethaphirom Bunseam, 2005: 28). Jarak pulau ini dengan pelabuhan Pak-Bara ialah enam puluh dua kilometer. Pulau Lipek ialah pulau perkampungan yang dikenali sebagai kampung Urak Lawoi semenjak zaman Rama Kelima lagi (Pejabat Wilayah Satun, 2007).

Peta 1.2  
Wilayah Satun



Sumber: <http://www.satun.go.th/> (28 April 2007)

## **1.6.2 Kaedah Kajian**

Kajian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan dua cara, iaitu melalui pengumpulan data dan analisis data.

### **(a) Pengumpulan Data**

Kajian ini menggabungkan dua bentuk kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan.

#### **(i) Kajian kepustakaan**

Kajian kepustakaan dilakukan dengan dua cara, iaitu secara tradisional dan melalui internet. Kajian secara tradisional ialah rujukan bahan bertulis yang diperoleh di beberapa perpustakaan, sama ada di Malaysia atau di Thailand. Perpustakaan di Malaysia ialah perpustakaan Universiti Sains Malaysia, perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Malaya dan lain-lain. Di Thailand pula ialah perpustakaan Universiti Prince of Songkhla (PSU Pattani), Universiti Thaksin dan Universiti Mahidol. Kedua-dua kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan kajian ini. Rujukan digunakan semasa menulis latar belakang dan juga kerangka teoretis.

(ii) Kajian lapangan

Kajian lapangan pula dilaksanakan untuk memperoleh dua jenis data, iaitu data etnografi dan data linguistik. Pengkaji akan membahagikan kajian lapangan ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama data etnografi dan kedua data linguistik.

Bahagian pertama ialah data untuk analisis etnografi Urak Lawoi dan data ini akan diperoleh melalui temu bual bebas. Tujuan temu bual adalah untuk melihat latar belakang kebudayaan penutur bahasa Urak Lawoi dan penggunaan bahasa dalam komuniti itu berdasarkan situasi, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej, pemilihan peraturan mengawal, urutan perilkua, peraturan untuk berinteraksi dan norma interaksi.

Bahagian kedua ialah data untuk analisis linguistik perbandingan, iaitu data kosa kata dasar dan KGND akan diperoleh menerusi temu bual terancang. Untuk kosa kata dasar, temu bual terancang akan menggunakan senarai seratus patah perkataan Morris Swadesh (1955), manakala data KGND pula diperoleh menerusi temu bual terancang yang menggunakan senarai KGND bahasa Melayu untuk dijadikan asas titik tolak KGND bahasa Urak Lawoi.

Dalam temu bual ini, pengkaji menggunakan kaedah pertanyaan langsung (berdasarkan senarai kosa kata dasar dan KGND bahasa Melayu) dengan menanya jenis dan makna kosa kata dasar dan KGND. Pertanyaan juga merangkumi konteks penggunaan, status dan umur pengguna serta jarak dan jenis perhubungan antara pengguna KGND. Dalam keadaan tertentu, pengkaji tidak akan bertanya secara langsung tentang satu-satu jenis KGND kepada informan sebaliknya hanya melakukan temu bual bebas dengan informan sambil menyentuh tajuk berkenaan dengan penggunaan KGND. Dalam keadaan lain yang tidak rasmi, pengkaji akan

memerhatikan penggunaan KGND dalam komunikasi harian orang Urak Lawoi. Pengkaji akan melihat secara langsung KGND yang muncul secara alamiah semasa penutur berinteraksi.

Data penggunaan KGND bertulis pula sukar untuk didapati dalam bahasa Urak Lawoi kerana bahasa ini ialah bahasa pertuturan yang tidak mempunyai bentuk bertulis. Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan beberapa buah buku cerita atau legenda yang telah ditulis oleh sarjana sebelum ini dan ditulis dalam bahasa Thai, seperti kajian *A Study of Chao-les Folktales in Changwat Satun* oleh Charas Ngasaman.

### (iii) Informan Kajian

Untuk memungut data etnografi enam hingga sepuluh orang informan penutur bahasa Urak Lawoi akan digunakan. Untuk memungut data linguistik pula, kajian ini akan menggunakan enam hingga sepuluh orang informan penutur bahasa Urak Lawoi di Pulau Lipek, Satun, Thailand juga. Informan tersebut memiliki kriteria di bawah ini:

- Informan mesti menetap di kawasan tempat bahasa dituturkan.
- Informan mesti merupakan penutur ibunda bahasa Urak Lawoi.

Dalam kedua-dua kategori informan ini, informan dengan peringkat umur remaja, dewasa dan tua, tanpa mengira status pekerjaan atau tahap pendidikan akan dipilih. Namun begitu, pemilihan rawak akan dibuat jika informan yang dikehendaki tidak diperolehi. Selain itu, ada dua faktor yang mempengaruhi pemilihan ini, iaitu masa dan pekerjaan.



Masa ialah satu faktor yang penting untuk menentukan informan, contohnya waktu informan tersebut akan berada di rumah. Informan lelaki yang mempunyai peranan sebagai ketua keluarga, terpaksa keluar mencari rezeki untuk keluarga. Hal ini menyebabkan informan tersebut tidak berada di rumah, jika ada pun hanya pada waktu petang atau malam.

Dari segi pekerjaan, kebanyakan anggota komuniti Urak Lawoi ini, mempunyai pekerjaan utama sebagai nelayan, kaum wanita pula sebagai suri rumah. Hal ini menjadi satu faktor yang mempengaruhi pemilihan informan dari segi jantina sebab informan lelaki itu sukar ada di rumah, kecuali jika laut bergelora dan mereka tidak turun ke laut.

#### **(b) Penganalisan Data**

Untuk analisis etnografi, semua bahan yang dipungut hasil rakaman temu bual terancang atau tidak terancang akan dihuraikan secara deskriptif menggunakan kerangka teoretis etnografi komunikasi yang dicadangkan oleh Hymes (1964) yang akan dihuraikan di dalam bahagian 1.7.1 tesis ini.

Untuk perbandingan leksikal, semua data leksikal yang diperoleh secara rakaman dan catatan akan ditranskripsikan secara ejaan, fonemik dan fonetik (jika perlu). Jika transkripsi fonetik dibuat, maka lambang transkripsi fonetik yang akan digunakan ialah lambang di dalam *International Phonetic Alphabet (IPA)* yang mutakhir yang disesuaikan dengan data bahasa yang dikaji. Beberapa lambang asas *IPA* sebagaimana yang dimaksudkan dilampirkan di dalam Jadual 1.1 yang berikut.

Kosa kata dasar yang telah ditranskripsikan akan dibandingkan mengikut langkah-langkah yang akan dihuraikan di dalam bahagian 1.7.2. Data KGND pula akan

dianalisis menggunakan kerangka teoretis di dalam bahagian 1.7.3 dan analisis ini bertujuan untuk menghuraikan pola dan fungsi KGND dalam bahasa Urak Lawoi.

**Jadual 1.1**  
**Lambang-lambang asas *International Phonetic Alphabet (IPA)***

Lambang IPA	Lambang kajian ini	Lambang IPA	Lambang kajian ini	Lambang IPA	Lambang kajian ini
a	a	g	g	ŋ	ŋ
i	l	c	c	ɲ	ɲ
u	u	j	j	w	w
ə	ə	l	l	y	y
e	e	r	r	ʔ	ʔ
o	o	f	f	ʀ	ʀ
p	p	v	v	ɔ	ɔ
b	b	s	s	ʁ	ʁ
t	t	z	z	ʻ	ʻ
d	d	m	m	~	~
k	k	n	n	[ ]	[ ]

*Sumber: The Principles of the International Phonetic Association, 1978 (reprinted), University College, Gower Street, London: International Phonetic Association. Juga daripada Handbook of the International Phonetic Association, bahan internet di alamat <http://www2.arts.gla.ac.uk/IPA/ipa.html>*

## 1.7 Kerangka Teoretis

Kajian ini akan menggunakan tiga kerangka teori, iaitu kerangka teoretis etnografi komunikasi, leksikostatistik dan kata ganti nama diri.

### 1.7.1 Kerangka Teoretis Etnografi Komunikasi

Etnografi komunikasi yang dikemukakan oleh Dell Hymes (1964) ditumpukan kepada penghuraian dan pemahaman perlakuan komunikasi dalam latar kebudayaan. Analisis sesuatu peristiwa komunikasi bermula dengan satu deskripsi mengenai komponen-komponen yang berkemungkinan akan menjadi menonjol (Ajid Che Kob,

1991: 147-158). Hymes (1964) menampilkan komponen dalam etnografi komunikasinya menggunakan akronim *S.P.E.A.K.I.N.G.* atau *Setting and Scene, Participants, End, Act, Key, Instrumentalities, Norms* dan *Genre*. Dalam bahasa Melayunya latar dan peristiwa, pemeran atau peserta, matlamat, aksi, nada, saluran, norma dan genre.

Kerangka asal huraian etnografi komunikasi oleh Hymes (1964) ini akan digunakan untuk menghuraikan pola komunikasi kebahasaan komuniti Urak Lawoi dalam kajian ini.

### 1.7.2 Kerangka Teoretis Leksikostatistik

Dengan menggunakan senarai kosa kata dasar 100 perkataan (lihat Jadual 1.2 dan 1.3) Morris Swadesh (1955) dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu, kaedah leksikostatistik dilaksanakan menerusi beberapa langkah.

**Jadual 1.2**  
**Senarai asal kosa kata dasar Morris Swadesh (1955) 100 perkataan**

---

(1) <i>all</i>	(26) <i>fat</i> <i>(substance)</i>	(51) <i>man (male)</i>	(76) <i>to sleep</i>
(2) <i>ashes</i>	(27) <i>feather</i>	(52) <i>many</i>	(77) <i>small</i>
(3) <i>bark (tree)</i>	(28) <i>fire</i>	(53) <i>meat</i>	(78) <i>smoke</i>
(4) <i>belly</i>	(29) <i>fish</i>	(54) <i>moon</i>	(79) <i>to stand</i>
(5) <i>big</i>	(30) <i>full</i>	(55) <i>mountain</i>	(80) <i>star</i>
(6) <i>bird</i>	(31) <i>to fly</i>	(56) <i>mouth</i>	(81) <i>stone</i>
(7) <i>to bite</i>	(32) <i>foot</i>	(57) <i>name</i>	(82) <i>sun</i>
(8) <i>black</i>	(33) <i>to give</i>	(58) <i>neck</i>	(83) <i>to swim</i>
(9) <i>blood</i>	(34) <i>good</i>	(59) <i>new</i>	(84) <i>tail</i>
(10) <i>bone</i>	(35) <i>green</i>	(60) <i>night</i>	(85) <i>that</i>
(11) <i>breast</i>	(36) <i>hair</i>	(61) <i>nose</i>	(86) <i>this</i>
(12) <i>to burn</i>	(37) <i>hand</i>	(62) <i>not</i>	(87) <i>thou</i>
(13) <i>claw</i>	(38) <i>head</i>	(63) <i>one</i>	(88) <i>tongue</i>
(14) <i>cloud</i>	(39) <i>to hear</i>	(64) <i>person</i>	(89) <i>tooth (front)</i>
(15) <i>cold</i>	(40) <i>heart</i>	(65) <i>to rain</i>	(90) <i>tree</i>

---

---

	<i>(weather)</i>				
(16)	<i>to come</i>	(41)	<i>horn</i>	(66)	<i>red</i>
(17)	<i>to die</i>	(42)	<i>l</i>	(67)	<i>road</i>
(18)	<i>dog</i>	(43)	<i>to kill</i>	(68)	<i>root</i>
(19)	<i>to drink</i>	(44)	<i>knee</i>	(69)	<i>round</i>
(20)	<i>dry</i>	(45)	<i>know (facts)</i>	(70)	<i>sand</i>
	<i>(substance)</i>				
(21)	<i>ear</i>	(46)	<i>leaf</i>	(71)	<i>to say</i>
(22)	<i>earth (soil)</i>	(47)	<i>to lie</i>	(72)	<i>to see</i>
(23)	<i>to eat</i>	(48)	<i>liver</i>	(73)	<i>seed</i>
(24)	<i>egg</i>	(49)	<i>long</i>	(74)	<i>to sit</i>
(25)	<i>eye</i>	(50)	<i>louse</i>	(75)	<i>skin (of person)</i>
				(91)	<i>two</i>
				(92)	<i>to walk</i>
				(93)	<i>warm</i>
					<i>(weather)</i>
				(94)	<i>water</i>
				(95)	<i>we</i>
				(96)	<i>what?</i>
				(97)	<i>white</i>
				(98)	<i>who?</i>
				(99)	<i>woman</i>
				(100)	<i>yellow</i>

---

Sumber: Lehmann (1962: 112-113)

**Jadual 1.3**  
**Terjemahan dalam bahasa Melayu senarai asal kosa kata dasar Morris Swadesh (1955) 100 perkataan**

---

(1)	semua	(26)	gemuk	(51)	lelaki/laki-laki	(76)	tidur
(2)	abu	(27)	bulu	(52)	banyak	(77)	kecil
(3)	kulit kayu	(28)	api	(53)	daging	(78)	asap
(4)	perut	(29)	ikan	(54)	bulan	(79)	berdiri
(5)	besar	(30)	penuh	(55)	gunung	(80)	bintang
(6)	burung	(31)	terbang	(56)	mulut	(81)	batu
(7)	gigit	(32)	kaki	(57)	nama	(82)	matahari
(8)	hitam	(33)	beri	(58)	tengkuk	(83)	berenang
(9)	darah	(34)	baik	(59)	baru	(84)	ekor
(10)	tulang	(35)	hijau	(60)	malam	(85)	itu
(11)	tetek	(36)	rambut	(61)	hidung	(86)	ini
(12)	terbakar	(37)	tangan	(62)	tidak	(87)	awak
(13)	kuku	(38)	kepala	(63)	satu	(88)	lidah
(14)	awan	(39)	dengar	(64)	orang	(89)	gigi
(15)	sejuk (cuaca)	(40)	jantung	(65)	hujan	(90)	pokok
(16)	datang	(41)	tanduk	(66)	merah	(91)	dua
(17)	mati	(42)	aku	(67)	jalan	(92)	berjalan
(18)	anjing	(43)	bunuh	(68)	akar	(93)	panas (cuaca)
(19)	minum	(44)	lutut	(69)	bulat	(94)	air
(20)	kering	(45)	tahu	(70)	pasir	(95)	kita
(21)	telinga	(46)	daun	(71)	sebut/ungkap	(96)	apa
(22)	tanah	(47)	berbaring	(72)	lihat	(97)	putih

(23) makan	(48) hati	(73) biji	(98) siapa
(24) telur	(49) panjang	(74) duduk	(99) perempuan
(25) mata	(50) kutu	(75) kulit (manusia)	(100) kuning

---

Sumber: Noriah dan Rohani (2004: 38-39)

Pertama, kaedah ini dimulakan dengan memungut kosa kata dasar bahasa Urak Lawoi. Senarai kosa kata dasar yang telah dikumpulkan diteliti dan pada tahap ini ditentukan kosa kata yang boleh digunakan untuk perbandingan atau yang perlu ditolak. Kosa kata dasar perlu ditolak sekiranya kosa kata berkenaan merupakan kata pinjaman (umpamanya dalam bahasa Melayu perkataan *ais* atau *salji*), kata kosong (ada dalam satu bahasa tetapi tiada dalam bahasa yang satu lagi), dan kata majmuk (umpamanya dalam bahasa Melayu perkataan *kulit kayu*). Jika terdapat kata terbitan, imbuhan perlu disingkirkan dan hanya kata dasar digunakan. Sekiranya kata dasar berkenaan pula sudah wujud dalam kata lain sebelum ini maka kata dasar ini juga perlu disingkirkan.

Kedua, setelah ditolak semua kata yang tidak diperlukan baharulah ditetapkan jumlah kata yang boleh dibandingkan untuk menentukan sama ada pasangan kata tersebut berkognat atau tidak. Dari segi perbandingan leksikal, untuk menentukan sama ada sesuatu pasangan kata itu berkognat atau tidak, kosa kata berkenaan haruslah sama seratus peratus atau mirip dari segi bentuk dan makna. Kosa kata yang sama atau mirip menunjukkan kesejajaran/kesepadanan fonem. Jadi penentuan kognat antara kata boleh ditentukan menerusi perbandingan segmen-segmen yang sejajar/sepadan bagi glos yang sama (sama dari aspek bentuk (fonemik, fonetik atau kedua-duanya) dan makna perkataan). Untuk menentukan taraf kognat sesuatu pasangan maka setiap pasangan kata akan dibandingkan fonem demi fonem.

Ketiga, selepas ditentukan jumlah kata berkognat akan ditentukan pala peratus kata berkerabat. Untuk mendapatkan peratus kata yang berkerabat antara dua bahasa yang dibandingkan, jumlah kosa kata berkognat dibahagikan dengan jumlah kata yang dibandingkan, yakni jumlah kata selepas ditolak kata yang tidak diperlukan. Sebagai contoh apabila dibuat perbandingan antara dua bahasa didapati bahawa kosa kata yang ditolak berjumlah tujuh. Dengan demikian jumlah kosa kata yang sebenarnya yang dibandingkan ialah  $100 - 7$ , yakni 93. Selepas dijalankan perbandingan didapati kosa kata yang berkognat berjumlah 37. Jadi peratus kosa kata berkognat antara dua bahasa ini ialah 37 dibahagi dengan 93, iaitu 0.397 atau 39.7 peratus (rujuk Noriah, 1999: 1093).

Peratus kata sekerabat yang didapati daripada kaedah yang dihuraikan sebelum ini dapat digunakan untuk menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa berpandukan jadual tingkat kekerabatan bahasa yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964: 621) seperti yang dipaparkan di dalam Jadual 1.4 berikut.

**Jadual 1.4**  
**Jadual tingkat kekerabatan bahasa**

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratus kata berkognat
Bahasa	0-5 abad	100-81 kata
Keluarga bahasa	5-25 abad	81-36 kata
Rumpun bahasa	25-50 abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75 abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 abad	4-1 kata
Makrofilum	100 abad ke atas	1 kata

*Sumber:* Diubah suai daripada Gudschinsky, "The ABC's of Lexicostatistics (Glottochronology)," di dalam Hymes, *Language and Culture in Society* (1964: 621).

Prosedur dan penerapan leksikostatistik sebagaimana yang dihuraikan akan digunakan untuk membandingkan kosa kata dasar bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu dan seterusnya menentukan hubungan kebahasaan dan tingkat kekerabatan antara dua bahasa ini.

### 1.7.3 Kerangka Teoretis Kata Ganti Nama Diri

Untuk menghuraikan KGND bahasa Urak Lawoi ini, pengkaji akan menggunakan pola KGND bahasa Melayu yang sedia ada dan dibuat oleh para sarjana bahasa Melayu tempatan sebelum ini. Hal ini demikian kerana bahasa Urak Lawoi ini ialah salah satu bahasa Austronesia dan dengan alasan tersebut pengkaji menggunakan kerangka yang dimaksudkan.

Arbak Othman (1984: 35) menyatakan bahawa KGND ialah ganti nama orang, yakni perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama orang seperti saya, dia, mereka, kami, awak dan kita. KGND ini terbahagi kepada KGND Orang pertama, kedua dan ketiga. KGND ini terbahagi pula kepada bentuk tunggal dan jamak.

Menurut Asmah Haji Omar (1993: 77), KGND ialah kata yang dapat menggantikan kata nama manusia dan secara terbatas kata ganti nama yang lain. KGND manusia boleh dilihat dari segi penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik dan konteks nahu. Dalam kedua-dua konteks ini, ganti nama diri dibahagikan kepada KGND pertama, kedua dan ketiga. Dari segi penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik, KGND secara am boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu KGND bahasa di raja dan KGND bahasa biasa.

Menurut Abdullah Hassan (1993: 79), KGND ialah kata nama yang menggantikan nama diri orang dan bukan orang. Ada tiga jenis ganti nama diri, iaitu KGND orang pertama, kedua dan ketiga.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994: 121) pula menerangkan bahawa KGND digunakan apabila kita tidak mahu menyebut nama sebenar orang. Ada tiga jenis ganti nama diri, iaitu kata ganti diri orang pertama, kedua dan ketiga.

Dalam buku *Nahu Melayu Moden* (1994: 13), Abdullah Hassan dan Liaw Yock Fang menjelaskan bahawa KGND ialah segala kata yang dipakai untuk menyatakan hubungan antara orang bercakap, orang yang dilawan bercakap dan orang atau benda yang dicakapkan. Kata ganti nama yang menunjukkan orang bercakap itu disebut kata ganti nama orang pertama, kata ganti nama yang menunjukan orang yang dilawan bercakap itu disebut KGND orang kedua, manakala orang atau benda yang dicakapkan itu disebutkan KGND orang ketiga.

Dalam *Tatabahasa Dewan* (1997: 104) KGND dibahagikan kepada dua golongan, iaitu:

- (a) Kata ganti nama diri tanya
- (b) Kata ganti diri orang

KGND tanya ialah perkataan yang merujuk benda atau orang dalam bentuk tanya.

Ada tiga KGND tanya, iaitu:

- apa - yang merujuk benda atau perkara
- siapa - yang merujuk orang
- mana - yang merujuk benda atau orang

KGND orang, kata ganti nama jenis ini mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga, seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

- (i) KGND orang pertama: saya, aku, beta, patik, kami, dan kita
- (ii) KGND orang kedua: anda, engkau, awak, dan kamu.
- (iii) KGND orang ketiga: ia, dia, mereka, dan –nya.



Berdasarkan beberapa pendapat sarjana bahasa Melayu di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa KGND ialah kata yang dapat menggantikan kata nama manusia dan secara terbatas kata ganti nama yang lain. Kata ganti nama manusia itu dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu KGND orang pertama, kedua dan ketiga. Pengelasan ini akan digunakan untuk menghuraikan KGND dalam bahasa Urak Lawoi.

Dalam kajian ini akan ditumpukan juga penggunaan KGND ini dari sudut sosiolinguistik, iaitu konteks. Dengan kata lain, pengkaji akan melihat penggunaan KGND dalam komuniti bahasa Urak Lawoi dengan mengkhusus kepada konteks penggunaannya yang melibatkan taraf penutur, umur, jarak perhubungan antara penutur, status, situasi penggunaan bahasa yang terlibat dan peristiwa bahasa yang digunakan.

Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini beberapa teori KGND yang telah dibincangkan akan digabungkan dan daripada gabungan tersebut tiga jenis ganti nama diri akan digunakan untuk menghuraikan KGND dalam bahasa Urak Lawoi, iaitu KGND pertama, kedua dan ketiga. Di samping itu, pengkaji akan melihat penggunaan KGND dalam komuniti bahasa Urak Lawoi dari aspek sosiolinguistik dengan mengaitkan jenis KGND dengan aspek konteks penggunaannya.

## **1.8 Sorotan Kajian Lalu**

Setakat ini, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan Urak Lawoi belum lagi banyak, sebab terdapat kesukaran dalam melakukan kajian tersebut. Antara sebab itu ialah komuniti Urak Lawoi ini tidak mempunyai tempat kediaman yang tetap dan sering berpindah dari satu tempat ke tempat lain, bahasa yang digunakan ialah bahasa lisan bukan tulisan dan komuniti Urak Lawoi tidak suka bergaul dengan

orang asing. Dalam bahagian berikut akan dihuraikan kajian lalu berkaitan bahasa Urak Lawoi dari segi linguistik, etnografi dan KGND.

Kamaruddin Esayah (1998) dalam tesis *Perbandingan Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis* ada menyentuh tentang fonologi dialek Melayu Urak Lawoi (DMOL) di Pulau Adang, wilayah Satun dari segi intonasi dan fonem. Pengkaji ini cuba membandingkan fonem DMOL dengan fonem bahasa Melayu standard dan beliau mendapati bahawa kedua-dua dialek Melayu ini mempunyai fonem yang hampir sama, 19 fonem konsonan: /p/, /t/, /c/, /k/, /ʔ/, /b/, /d/, /j/, /g/, /s/, /h/, /m/, /n/, /ɲ/, /l/, /r/, /w/ dan /y/ dan lapan vokal, iaitu /i/, /e/, /ɛ/, /a/, /a/, /u/, /o/ dan /ɔ/. Beliau juga mendapati DMOL mempunyai dua intonasi, tiga jenis suku kata dan enam jenis tekanan suara.

Supin Wongbusarakum (2005) dalam *Tarutao National Marine Park, Satun Province, Thailand* yang membicarakan tentang Urak Lawoi menyatakan Urak Lawoi ialah orang asli Pulau Adang. Walau bagaimanapun, golongan ini disamakan dengan Moken dan Moklen yang mempunyai hubungan rapat dengan laut (gypsies or sea nomads). Sebenarnya Urak Lawoi mempunyai bahasa dan budaya yang agak berbeza dengan kaum orang asli yang lain. Menurut pengkaji ini, perkataan Urak Lawoi berasal daripada urak yang bermakna orang (people) dan lawoi bermakna laut (sea). Dipercayai bahawa Urak Lawoi ialah etnik lama daripada golongan Melayu. Mereka bercakap bahasa Melayu-Polinesia yang digolongkan sebagai dialek Melayu. Selanjutnya, penulis ini menjelaskan bahawa Pulau Lanta Yai ialah destinasi yang pertama bagi Urak Lawoi di Pulau Adang. Tok Kiri nenek moyang yang dihormati oleh generasi Urak Lawoi ialah seorang muslim yang mengembara dari Indonesia. Pada tahun 1900 beliau berkahwin dengan perempuan Urak Lawoi di Pulau Lanta Yai. Beliau mengetahui tentang kekayaan alam persekitaran di Pulau Adang lalu

minta keizinan daripada kerajaan wilayah Satun dan kemudian berhijrah ke Pulau Adang. Tok kiri merupakan penduduk pertama di Pulau Lipek, Satun, Thailand pada tahun 1909.

Kajian Supin Wongbusarakum (2005) menyatakan bahawa destinasi pertama penduduk Urak Lawoi di Pulau Lipek, Satun, Thailand ialah Pulau Lanta Yai. Kenyataan ini disokong oleh kajian Yaowanit Srilamul (1998: 35) yang menyatakan bahawa mengikut sejarah, Chaolay di Pulau Adang berasal daripada Pulau Lanta wilayah Krabi. Pada awalnya Pulau Lipek tidak mempunyai penduduk. Seorang warga Indonesia bernama Hile atau Tok Le, seorang peniaga antara Pulau Pinang dengan negara Thai berkahwin dengan seorang gadis Chaolay yang menduduki utara Pulau Bulon dan dia hendak mencari tempat tinggal baru. Dia mendapati bahawa Pulau Lipek ialah pulau yang sesuai. Dia kemudian memindahkan penduduk Chaolay ke Pulau Lipek dengan keizinan daripada Praya Phuminarathpakdee. Chaolay menduduki pulau ini pada zaman Rama Kelima.

Premin Karavi (2003:11-16) dalam *Phasa leh Klum Chad Phan* (Bahasa dan Kaum Keturunan) ada menyentuh tentang keturunan orang yang bertutur bahasa Urak Lawoi (Moken). Bagi pengkaji ini, ada beberapa sebab Moken atau Urak Lawoi tidak dikenali orang ramai dan dinafikan oleh ahli akademik untuk dikaji. Sebab itu ialah:

- (a) Golongan ini tidak menempati satu kawasan yang tertentu dan sering bertukar tempat untuk mengelak pertemuan dengan orang lain.
- (b) Jumlah mereka yang sedikit menyebabkan mereka tidak diambil berat oleh orang ramai dan ahli pentadbiran negara.

Menurut beliau lagi golongan Moken di Thailand dapat dibahagi kepada dua kelompok.

(i) Golongan merantau kawasan laut

Golongan merantau kawasan laut ialah sebahagian Moken di Kepulauan St. Matthews yang mempunyai jumlah yang agak banyak. Kumpulan ini ialah golongan terbanyak yang berhijrah ke selatan Thai dan dibahagikan kepada beberapa rombongan perahu yang melayari perairan Thai. Perahu sedemikian singgah di pulau seperti Pulau Surin di wilayah Phang Nga.

(ii) Golongan yang mempunyai kawasan tempat tinggal tetap

Golongan ini mempunyai kawasan tempat tinggal yang tetap. Mereka berada di kawasan pinggir tebing barat daya Thai. Kelompok ini dikenali sebagai penghuni di Pulau Phuket, Sireh, Adang, Lanta dan Pulau Pha Yam. Golongan ini dikenali dengan nama Urak Lawoi.

Amon Thavisak (1986: 1) menyatakan bahawa perkataan Chaolay ialah perkataan yang digunakan orang selatan Thai untuk memanggil minoriti yang menduduki kawasan laut timur selatan Thai. Kaum tersebut mempunyai hubungan rapat dengan laut pada tempoh masa yang lama. Dalam membuat penyelidikan didapati bahawa selatan Thai mempunyai kumpulan minoriti yang dikenali dengan nama Chaolay ataupun orang laut. Mereka dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan yang memanggil diri sendiri sebagai Urak Lawoi, Moken dan Moklen.